

28 JUN 1999

Mahathir-Kelantan

AGAK SUKAR KERAJAAN PUSAT ATASI KEMISKINAN DI KELANTAN

CYBERJAYA, 28 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata agak sukar bagi kerajaan pusat mengatasi masalah kemiskinan di Kelantan, kerana kerajaan negeri ketika ini mengajak rakyat supaya tidak berterima kasih kepada kerajaan pusat.

Mengulas laporan khas Utusan Malaysia hari ini tentang kemiskinan di Kelantan, beliau berkata keadaan kemiskinan yang ketara dengan peratusan yang tinggi, berlaku kerana kerajaan negeri tidak menumpukan perhatian kepada masalah kemiskinan.

Kerajaan negeri yang dikuasai Pas juga tidak mengambil apa-apa tindakan, katanya dalam satu sidang berita selepas merasmikan pelancaran MSC Venture Corporation Sdn Bhd (MSCVC), syarikat modal teroka yang pertama, yang akan melabur dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Benar mereka tidak mempunyai wang, tetapi kalau mereka tak mampu, mereka tak harus buat janji-janji kepada rakyat," katanya.

"Kita (kerajaan pusat) akan tolong, tetapi masalahnya bila kita tolong, parti lawan suka berkata kalau tidak sokong kerajaan BN pun, boleh juga. Jadi apa guna sokong (BN).

"Sekarang ini pun, mereka ajak orang supaya tidak berterima kasih kepada pihak yang menolong.

"Dengan itu, tawarlah hati kita nak menolong," kata Dr Mahathir.

Mengulas peletakan jawatan Datuk Harris Salleh dari Parti Bersekutu Sabah dan hasratnya tidak mahu lagi melibatkan diri dengan politik, Dr Mahathir berkata:

"Itu adalah baik, saya berpendapat beliau (Harris) harus memberikan tumpuan kepada ladangnya, kerana beliau berkemahiran dalam bidang pertanian dan perhutanan."

Ditanya berkaitan tindakan Harris keluar dan masuk politik, Dr Mahathir berkata BN mendapati beliau agak tidak menentu berkaitan perkara itu.

"Kerana itu, BN tidak dapat bekerjasama dengan beliau kerana kita tidak tahu apa yang akan beliau dilakukan berikutnya," katanya.

Berkaitan dengan permintaan Cuepacs agar kadar pinjaman perumahan kakitangan kerajaan diturunkan kepada 3 peratus dari 4 peratus, beliau berkata, "kita timbanglah kalau boleh dan kalau mampu".

"Kita memang sanggup untuk menolong tetapi peruntukan kewangan kita menjadi masalah," katanya.

-- BERNAMA

AD AHH RI